

22/09/2003

RTM dibidas tiada siaran langsung ulang tahun BN

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat kecewa Radio Televisyen Malaysia (RTM) tidak menyiarkan secara langsung sambutan ulang tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka, Sabtu lalu.

Bekas Menteri Penerangan itu berkata, perkara itu sudah dipersetujui pada mesyuarat peringkat pusat jawatankuasa penganjur perhimpunan dan pihaknya juga sudah menyediakan segala peralatan perlu bagi tujuan itu.

"Malangnya, siaran langsung itu tidak ada meskipun sudah dipersetujui. Saya terima banyak panggilan mengenai perkara ini dan saya amat dukacita. Malah saya bertanya kepada Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob kira-kira jam 2.30 petang itu sebelum acara dimulakan.

"Khalil yang turut berada di stadium, menyatakan memang acara itu akan disiarkan secara langsung. Saya tidak tahu apa sebenarnya berlaku. Saya tak ada kuasa untuk menentukan," katanya ketika dihubungi Berita Harian semalam. Khalil adalah Pengerusi Jawatankuasa Kecil Publisiti Seranta.

Perhimpunan itu dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta semua pemimpin kanan 14 parti komponen BN, menteri Kabinet dan Ahli Parlimen BN. Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut hadir

Sebelum ini, memang diumumkan secara rasmi bahawa majlis itu akan disiarkan secara langsung dan penganjur berjanji membawa 50,000 orang bagi memenuhi setiap ruang di Stadium Merdeka kerana ia dianggap perhimpunan penting untuk Dr Mahathir yang bersara bulan depan.

Ibu pejabat BN juga mahu rakyat seluruh negara mengikuti siaran langsung untuk mendengar amanat penting Perdana Menteri.

Secara keseluruhannya, beliau berpuas hati terhadap sambutan itu dengan menyifatkan hasilnya amat berkesan.

"Di perhimpunan ini berlaku peralihan kuasa antara parti dan Perdana Menteri sendiri ada menyebutnya, untuk menyerah kuasa kepada Pak Lah. Di majlis ini juga semua parti komponen memberi penghargaan kepada Perdana Menteri kerana jasanya kepada parti dan BN," katanya.

"Di samping itu, mereka juga memberi sokongan penuh kepada Pak Lah yang akan mengambil alih pucuk kepimpinan negara," katanya.